

JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JUA 02 / 2026

PERMOHONAN PENYIMPANAN TANAH KERAJAAN UNTUK TAPAK
TAMBAHAN BAGI KEGIATAN PERIKANAN (TAPAK 1) DI PERUMAHAN
NEGARA KAMPUNG MENTIRI KAWASAN A MUKIM MENTIRI,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA

YURAN TAWARAN : \$10.00

1. Tawaran adalah dipelawa kepada semua Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Setiap Penender hendaklah menyatakan seperti berikut :-
 - a. Sah Laku tawaran
 - b. Tempoh masa untuk menyiapkan projek
 - c. Ringkasan tatacara untuk membuat melaksanakan projek ini.
3. Borang ***Tender's Declaration*** hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditanda tangani.
4. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di **Tingkat Bawah, Bahagian PKD, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam, dengan membayar yuran tawaran di Kaunter Tingkat 2, Jabatan Ukur** pada hari bekerja seperti berikut :-

Hari Isnin – Khamis dan Sabtu	:	8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi 1.30 Petang hingga 2.30 Petang
----------------------------------	---	---
5. Harga tawaran e-dokumen adalah sebanyak **\$5.00**.
6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan.
7. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda Syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis ***tajuk tawaran tersebut diatas***.

8. Tawaran hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam **2.00 petang** pada **Hari Selasa 15 September 2026**, kepada alamat berikut :

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Pembangunan,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

10. Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan :-

- a. Sijil Pendaftaran Perniagaan
- b. Lesen Tahunan (jika berkenaan)
- c. Kad Pengenalan/ Pasport
- d. Daftar Pemilik Syarikat

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

2.